

Untuk siaran segera

## **IBU PEJABAT LHDNM AKAN BERPINDAH KE CYBERJAYA**

Kuala Lumpur, 11 November – Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang kini terletak di **BLOK 9**, Kompleks Kerajaan Jalan Duta akan mula beroperasi sepenuhnya pada **22 Disember 2011 di Wisma Hasil Cyberjaya, Selangor**. Perpindahan operasi Ibu Pejabat LHDNM ini akan melibatkan penempatan semula 1,400 orang pegawai dan stafnya daripada 19 Bahagian dan Jabatan secara berperingkat-peringkat mulai 16 November 2011.

**Walaubagaimana pun, Kaunter bayaran Cukai, Cawangan LHDNM Jalan Duta, Cawangan LHDNM Pungutan Kuala Lumpur dan Cawangan LHDNM Tidak Bermastautin serta Jabatan Cukai Korporat yang masing-masing terletak di Blok 8A dan Blok 11 Kompleks Kerajaan Jalan Duta tidak terlibat dengan perpindahan ini. Jabatan dan Cawangan-cawangan ini akan terus kekal berada di Jalan Duta.**

Menurut Dato' Dr. Mohd Shukor Mahfar, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Wisma Hasil Cyberjaya yang mempunyai ketinggian 20 tingkat dengan kos pembinaan RM 275 juta tersebut bukan sahaja akan menjadi satu mercu tanda baru di Cyberjaya, malah ia menggambarkan kemajuan LHDNM sebagai Pentadbir Cukai Terunggul di negara ini.

Tambah beliau lagi, kesan daripada operasi perpindahan ini LHDNM menjangkakan pembayar cukai serta pelanggan yang berurusan sepanjang tempoh tersebut akan menghadapi gangguan sistem aplikasi berkomputer termasuklah semua perkhidmatan

elektronik LHDNM. Sungguhpun begitu, gangguan ini adalah bersifat sementara dan keadaan akan pulih seperti sedia kala mengikut jadual. Ini berikutan LHDNM turut mengambil peluang untuk menaiktaraf Pusat Datanya sempena perpindahan operasi Ibu Pejabat. *“Justeru kami berharap pembayar cukai dan pelanggan bersabar dengan kesan-kesan perpindahan ini kerana ia bersifat sementara sahaja dan kami memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin akan mereka hadapi”*, menurut beliau lagi apabila ditanya pihak media hari ini.

Pembayar cukai dan pelanggan boleh memperolehi senarai penuh alamat dan nombor telefon baru jabatan-jabatan yang terlibat dengan perpindahan tersebut melalui laman sesawang rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my).

**SEKIAN, TERIMA KASIH**

**###**

<b>Dikeluarkan oleh</b>	<b>:</b>	<b>Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b>
<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>11 November 2011</b>
<b>Nombor Telefon</b>	<b>:</b>	<b>03-6203 1380</b>
<b>Nombor Faks</b>	<b>:</b>	<b>03-6201 2434</b>
<b>Pusat Khidmat Pelanggan</b>	<b>:</b>	<b>1-300-88-3010</b>
		<b><u><a href="http://www.hasil.gov.my">www.hasil.gov.my</a></u></b>